



Potensi bidang pertanian

Sektor kerjaya membanggakan, bukan hanya sebagai kerja sampingan

Melihat lurah, padi ditanam.
Melihat paya, ikan ditanam.
Melihat bukit, jagung ditugal.
Melihat pamah, sayur ditabur.
Melihat kal, sangkar dibina.

Agriculture is the most useful, most healthful and most noble employment of man.

Itu antara kata-kata dan mudah diungkap Naib Canselor, Kolej Universiti Agrosains Malaysia (Ucam), Prof Datuk Dr Faridah Hanam Mohd Rashid mengenai bidang pertanian.

Menurutnya, pertanian merupakan bidang kerjaya yang amat membanggakan dan bukannya bidang sampingan.

Faridah berkata, kita mempunyai ratusan usahawan untuk memacu dunia, tetapi ramai yang gagal mengharungi pelbagai dugaan.

Menurutnya, bagaimanapun, dalam apa jua keadaan, keperluan bidang pertanian didapati lebih statik khususnya jika dikaitkan dengan ketahanan makanan (*food security*) yang tidak dinafikan sangat-sangat diperlukan.

Pada tahun 2050, populasi dunia dijangka meningkat kepada 10 bilion penduduk dan memerlukan 70 peratus peningkatan pengeluaran makanan.

"Sejajar dengan itu, bidang pertanian terus ditingkatkan dengan penggunaan teknologi baharu, produk berkualiti dan peningkatan kuantiti pengeluaran untuk memenuhi keperluan dunia," katanya semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Ucam Kali Ke-16, 2017 di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Sallehuddin Abd Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Khamis lalu.

Hadir sama pada majlis disempurnakan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob itu ialah Pengerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda), Datuk Zahidi Zainul Abidin.

Dalam pada itu, Faridah berkata, bidang pertanian terus ditingkatkan dengan penggunaan teknologi baru, produk berkualiti dan peningkatan kuantiti pengeluaran untuk memenuhi keperluan dunia.

Menurutnya, Ucam muncul antara wadah menyediakan pengusaha dan usahawan yang mampu menyumbang keperluan penduduk.

Terdahulu katanya, Program Jelajah Syoknya Bertani atau *Proud To Be Farmer* antara usaha Ucam menyemarakkan dan menggalakkan lebih ramai golongan muda mencubakan diri dalam bidang pertanian.

Sementara itu, Ismail berharap supaya para graduan bidang ini tidak hanya memfokuskan pencarian pekerjaan di bandar-bandar besar semata-mata, sebaliknya sudi berkhidmat kepada masyarakat di luar bandar.

Majlis kali ini merupakan konvokesyen pertama kepada graduan Program Diploma Pengeluaran Ternakan seramai 17 orang. Seramai 800 graduan dari tiga fakulti Ucam menerima diploma dan siji di Majlis Konvokesyen Ke-16 Ucam.

Apa pula pendapat mahasiswa mengenai keperluan bidang ini dalam negara kita pada masa ini?

Masih memerlukan

Berkongsi pandangannya, Graduan Terbaik Keseluruhan yang juga Penerima Anugerah Menteri Luar Bandar dan Wilayah pada Majlis Konvokesyen Ucam Kali Ke-16, Amizatul Najeha Lukmannulhakim, 22, bersetuju negara masih memerlukan lebih ramai anak muda mencubakan pertanian.

"Bagi saya, mereka yang tidak gemarkan bidang ini kerana rasa tak glamor dan tak ke mana kerana minda masih tertutup, sedangkan pertanian ini sebenarnya boleh jadi penorak ekonomi di negara kita.

"Jika tiada peladang dan petani bagaimana hendak keluar hasil pertanian.

"Bagi saya hasil pertanian di negara kita ini baru hendak membangun kerana banyak lagi keluaran pertanian dan permintaan masyarakat negara kita belum mampu hendak cukupkan sepenuhnya," katanya.

Menurutnya, antara keperluan asas banyak diimport adalah seperti cili, bawang, beras dan lain-lain lagi, namun merasakan kesemuanya boleh diusahakan oleh orang tempatan sendiri terutama golongan muda.

Menyifatkan kerajaan sudah memberikan banyak peluang dengan pelbagai geran daripada Kementerian Pertanian dan Industri



Amizatul bersama ibu dan bapanya.

Asas Tani, Risda kepada usahawan muda dan baru, tapi golongan itu sendiri disifatkan tidak tahu dan tak mahu mengambil peluang.

"Tulah jika boleh saya hendak dapatkan dana tersebut, dalam masa sama mencari duit sendiri untuk start up bisnes baru, sebab kita fresh graduate, orang tak percaya sangat. Jadi kita sendiri perlu tunjukkan komitmen dengan sediakan dana dari sumber sendiri.

"Hakikatnya, sekarang pun yang ramai melakukan kerja-kerja ladang pun bukan orang dari negara kita sebab orang kita pandang rendah bab pertanian.

"Jadi kalau boleh saya dan kami graduan Ucam ini nak buktikan jadi petani tak semestinya tak boleh berjaya," katanya.

Menurut pemegang Diploma Pengurusan Ladang Ucam berasal dari Kluang Johor ini, golongan petani dan peladang pun boleh berjaya jika diberikan peluang dan mendapat sokongan masyarakat.

Amizatul berkata, penerimaan masyarakat terhadap bidang pertanian patut lebih terbuka kerana biasanya minat anak-anak muda untuk mencubakan bidang pertanian dan perladangan tidak mendapat sokongan daripada ibu bapa.

"Masih ramai ibu bapa anggap bidang ini tiada masa depan, kerja kotor, tapi sebenarnya



semua manusia perlukan bangunan baru setiap hari. Jika terlalu fokus import, kita risau tak dapat bertahan contohnya bila ada krisis dan negara biasa kita import tak dapat hantar bekalan.

"Sebab itu, kita perlu lebihkan penghasilan keperluan dalam negara sendiri. Bagi saya hasil pertanian di negara kita masih mencukupi, tetapi dengan kadar yang rendah. Kita nampak ada, tapi sebenarnya (keperluan) tak cukup. Sebab itu kena ada usaha ke arah ini," katanya.

Dia tidak menafikan untuk memulakan projek perladangan dan pertanian bukan mudah kerana perlu berdepan kesukaran mendapatkan tanah di mana harganya tambahan dalam situasi masa ini tidak murah, melainkan ada mewarisi tanah sedia ada daripada keluarga.

Amizatul berkata, proses untuk mendapatkan tanah sendiri pun memakan masa, namun sekarang semakin mudah dengan adanya Program Taman Kekai Pengeluaran Makanan (TKPM) di bawah Jabatan Pertanian.

Graduan Terbaik Diploma Pengeluaran Ternakan Konvokesyen Ucam Kali Ke-16, Muhammad Sirbied Saludin, 21, juga tidak menafikan selain pertanian, bidang ternakan juga perlu diberikan perhatian.

"Banyak bekalan daging juga diimport dari luar contohnya daging dari India. Mungkin kita boleh reshakan ternakan babi negara

temakan untuk menampung permintaan orang tempatan.

"Pendapat peribadi saya, ramal berminat dalam bidang pertanian, tapi masih agak kurang ke arah penternakan. Jadi hasil daging dan susu agak kurang menyebabkan kita banyak import dari negara luar untuk bekalan seperti daging dan susu. Isunya mungkin berkait dengan halal," katanya.

Justeru menurutnya, terdapat keperluan untuk melahirkan lebih ramai pengusaha ternakan lembu, manakala semua pihak perlu memainkan peranan bagi membenarkan galakan ke arah usaha tersebut.

Berbiagi ikan keli di pasar di tegah ibu negara, Sirbied berkata, dia sendiri mendapat bekalan dari Kuala Selangor, yang agak jauh dari kawasan Kuala Lumpur.

"Pada saya bidang ternakan seperti lembu perlu diberi perhatian. Ternakan kambing nampak macam banyak, tapi tak banyak sebenarnya, kerana kebanyakannya diusahakan secara kecil-kecilan.

"Model dan teknologi dari negara luar seperti New Zealand, patut jadi contoh misalnya dalam menghasilkan pengeluaran susu lembu kerana hasil ini pun kita terpaksa banyak import," katanya.



SIRBIED

REAKSI



"Peluang pekerjaan bidang pertanian ini cerah jika kita berusaha. Bidang IT luas, namun ternakan pun masih banyak peluang jika diikuti. Memang perlu berdepan isu tempat, modal dan standard. Untuk atasinya kena usaha, baru mintak bantuan."
Suwainuth Suran, 23



"Lepas habis belajar, kalau boleh nak sambung belajar lagi atau bekerja. Kalau boleh hendak jadi pembantu ladang dulu. Harapan saya supaya dapat timba pengalaman dan selok-belok tanaman sawit. Lagipun saya rasa ia mudah dan hasilnya sangat diperlukan dalam negara."
Hafizzul Azhar, 21